

**TUMPUAN:** ina: Patung simulasi rosak tiba di Mahkamah Koroner Bekas penjawat awam mengaku tida

**NASIONAL**

## Peranan audit perlu diperkukuh untuk elak ketirisan, rasuah – PM

🕒 09 September 2025, 11:03am

31  
Shares

Share

Tweet

Share

Email



*Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim. – Foto fail*

**Oleh: Hamdi Fahmi Mohamad Zaki**

**KUALA LUMPUR:** Amalan audit perlu diperkukuhkan bagi menangani ketirisan, rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, ketelusan dan kebertanggungjawaban perlu dijadikan asas utama dalam pentadbiran bagi memastikan setiap institusi bebas daripada pelanggaran peraturan dan penyelewengan dana.

“Sejarah membuktikan, cabaran terbesar mana-mana negara adalah mengekang rasuah, namun saya menghargai keberanian pihak yang berusaha membersihkan jentera kerajaan dan syarikat swasta daripada amalan tidak bermoral ini,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan pada majlis Asian Confederation of Internal Auditors Conference 2025, di sini, hari ini.

Dalam pada itu, Perdana Menteri turut menegaskan bahawa demokrasi bukan sahaja ditafsirkan sebagai proses pilihan raya semata-mata, sebaliknya ia mesti terhubung dengan rakyat melalui amalan tadbir urus berintegriti.

Beliau turut mengimbau pengajaran daripada skandal kewangan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang menurutnya kesalahan itu tidak mungkin berlaku tanpa penglibatan dan kelalaian pihak audit.

“Pengawasan audit tidak boleh dianggap pilihan. Ia adalah teras untuk memastikan ketelusan dan mengekalkan keyakinan rakyat serta pelabur terhadap institusi negara,” ujarnya.

Jelas Anwar lagi, pemerintahan yang berasaskan integriti, ketelusan dan akauntabiliti adalah aset strategik yang boleh menarik kemasukan pelabur, jaminan kemajuan dan legasi untuk generasi akan datang.

## BERITA BERKAITAN



**MAHKAMAH**

**Mekanik terlepas hukuman gantung**

🕒 37 minit yang lepas



**MAHKAMAH**

**Inkues Zara Qairina: Inspektor siasatan tempat kejadian tiada pengetahuan biomekanik**

🕒 sejam yang lepas